

Proposal Projek

Kumpulan 2:

Samuel Luk Kie Liang A20EC0224

Siew Yu Xuan A20EC0146

Teh Jing Ling A20EC0228

Theresa Lau Xin Yi A20EC0167

Wong Hui Shi A20EC0169

Isu bunuh diri

Justifikasi pemilihan tajuk

Bunuh diri merupakan sesuatu tindakan membunuh diri dengan sengaja. Merujuk **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)**. Tindakan bunuh diri merujuk termasuk idea bunuh diri, rancangan bunuh diri, mencuba bunuh diri dan bunuh diri itu sendiri. Tingkah laku bunuh diri adalah fenomena yang kompleks, yang disebabkan oleh interaksi pelbagai faktor seperti faktor peribadi, sosial, psikologi, budaya, biologi, dan persekitaran. Bunuh diri boleh disebabkan oleh penyakit mental seperti kemurungan, gangguan bipolar, skizofrenia, gangguan keperibadian, atau penyalahgunaan bahan. Selain itu, Tekanan dari persekitaran seperti miskin, pengangguran, atau kesukaran belajar, masalah hubungan seperti kematian ibu bapa dan tingkah laku impulsive yang disebabkan oleh gangguan atau buli juga boleh menyebabkan tindakan bunuh diri. Orang yang pernah mencuba bunuh diri pada masa lalu mempunyai risiko bunuh diri yang lebih tinggi pada masa depan.

Latar belakang bunuh diri

Bunuh diri merupakan isu global yang amat penting. Bunuh diri ialah satu perbuatan seorang yang mengalami masalah emosi untuk menamatkan nyawa sendiri. Bunuh diri bukanlah masalah mental tetapi bunuh diri adalah masalah emosi yang serius dan mengakibatkan gangguan-gangguan mental terhadap seseorang individual pada masa itu. Tanda-tanda seorang sebelum membunuh diri sebenarnya sama mengikut kajian. Tanda yang pertama ialah kesedihan yang melampau. Jika seseorang individu mengalami emosi kesedihan yang agak panjang daripada gangguan emosi, kesedihan ini mungkin merupakan simptom-simptom mengalami masalah kemurungan. Tanda yang kedua ialah ketenangan yang berlaku secara tiba-tiba selepas mengalami fasa kesukaran. Tanda yang seterusnya ialah simptom melarikan diri terhadap sesuatu perkara dan mengelakkan diri bergaul dengan orang lain. Mereka pun hilang minat terhadap sesuatu perkara yang amat minat pada masa dahulu. Perubahan personaliti pun merupakan salah satu tanda sebelum membunuh diri. Tanda yang amat serius ialah tingkah laku yang akan membahayakan diri sendiri. Contohnya, pemanduan yang tidak selamat dan menggunakan pisau dengan melukai tangan atau kaki sendiri. Setiap tahun terdapat sebanyak 800000 orang mati kerana bunuh diri, iaitu setiap 40 saat satu orang.

Permasalahan bunuh diri

Perbuatan bunuh diri pada masa hari ini telah dianggap sebagai perbuatan yang buruk dan tidak bertanggungjawab. Hal ini demikian kerana orang yang membunuh diri meninggalkan segala di dunia ini seperti ibu bapa mereka, persahabatan, pekerjaan dan juga kepunyaan mereka. Manusia hari ini suka menghina orang yang membunuh diri kerana mereka tidak mempertimbangkan keadaan orang yang membunuh diri. Orang itu mungkin mengalami perkara yang mereka tidak dapat beruang seperti buli siber yang semakin kronik pada zaman yang penuh dengan teknologi moden ini. Selain itu, terdapat banyak alasan yang menentang isu bunuh diri ini. Seorang ahli ekonomi politik, William Godwin merupakan seorang penyokong Utilitarianisme di mana beliau menganggap sikap bunuh diri

itu tidak berakhlak dan berasa terdapat banyak keseronokan daripada kesakitan yang boleh didapati di dunia ini. Terdapat juga seorang ahli falsafah yang lain iaitu Albert Camus, penyokong kepada Eksistensialisme, bunuh diri merupakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab kerana orang itu tidak menghadapi kesukaran tetapi memilih untuk menamatkan nyawa sendiri untuk mengurangkan kesakitan.

Objektif

1. Menimbulkan kesedaran kepada masyarakat dan negara agar dapat mengambil berat keseriusan kes bunuh diri dalam negara masing-masing.
2. Mengenalpasti cara untuk mengurangkan kes bunuh diri yang sangat serius di negara maju dan kaya.
3. Mengenalpasti sebab utama orang muda membunuh diri di negara maju dan kaya.
4. Mengemukakan pandangan pelbagai ahli falsafah terhadap isu bunuh diri untuk memahami alasan yang menentang atau menyokong isu tersebut
5. Mengenalpasti peranan pelbagai pihak yang dapat mengawal kes bunuh diri dan membantu orang yang mempunyai keinginan untuk membunuh diri